

# Makanan dan Kepercayaan Tentang Etiologi Penyakit: Kes Orang Melayu Kelantan

AISHAH@ESHAH HAJI MOHAMED  
dan ABD. AZIZ HAJI BIDIN

## ABSTRAK

Makalah ini meninjau aspek pemakanan daripada perspektif budaya dengan merujuk budaya masyarakat Kelantan sebagai kajian kes. Isu yang ditinjau adalah apakah gejala kepercayaan berkait dengan makanan sebagai punca penyebab penyakit, mengapa dan bagaimana makanan digunakan untuk membawa mudarat ke atas orang lain dan kepercayaan terhadap makhluk ghaib yang boleh mendatangkan penyakit kepada manusia. Sumber analisis adalah data yang dikutip daripada kajian lapangan dalam kalangan orang Melayu Kelantan selama lebih daripada lima belas tahun, sejak tahun 1990-an hingga sekarang. Didapati ada pihak-pihak tertentu yang menggunakan makanan sebagai cara untuk memberi kemudaratan kepada orang lain demi mencapai hasrat yang diinginkan daripada orang tersebut. Lantaran wujudnya perlakuan ini dan juga kepercayaan terhadap makhluk ghaib itu maka menyebabkan timbul ketidakharmonian dalam sosial.

Kata Kunci: Makanan, penyakit, mangsa, Makanan Hantu dan perbomohan

## ABSTRACT

This study investigates some aspects of nutriment from cultural perspective with special reference to Kelantanese cultural practices as a case study. Issues that have been investigated are the supernatural belief elements related to nutriment as the cause of deceases, why and how nutriment has being used to injurious other people, and the beliefs on supernatural beings that could bring deceases to human kind. The sources of this investigation are information gathered from field works among the Kelantanese Malay for more than fifteenth years since 1990s untill to the dates. It is found that there are certain quarters who use nutriment as ruinous weapon to harm other people as a way to achieve what they want for those people that have been their victims. The effect of this behaviour and also the beliefs on supernatural beings has created social disharmony.

Key words: nutriment, deceases, the victims, Ghost Foods, and shamanism.

## Pengenalan

Makanan tidak dapat dipisahkan daripada budaya, malah para pengkaji (seperti Lewis 1975; Stone 1978; Colson 1969) merumuskan bahawa bahan makanan, cara memakannya dan bagaimana sesuatu jenis makanan itu boleh membawa penyakit sekali pun mempunyai kaitan amat rapat dengan faktor budaya. Ikatan begini begitu ketara dalam masyarakat Melayu, misalnya, mereka mengenal pasti akan adanya beberapa jenis bahan makanan, seperti ubi gadung (*Dioscorea hispida* Dennst), yang mengandungi racun secara semula jadi dan perlu dilakukan beberapa proses untuk menghilangkan racun tersebut sebelum dapat dimakan (Gimlette 1981). Manakala bahan makanan lain pula ada yang tidak boleh dimakan kerana telah dijangkiti virus (misalnya ayam, burung, lembu, babi yang dikaikan dengan pelbagai jenis penyakit seperti selsema dan gila). Makanan lain pula tidak boleh dimakan oleh golongan tertentu (seperti wanita dalam pantang tidak boleh makan makanan sejuk), pada masa tentu dan dalam kuantiti tentu (durian tidak boleh dimakan dengan banyak waktu tengah hari dan dalam kuantiti yang banyak) kerana ada peraturan yang berkaitan dengan kepercayaan (Manderson 1981; Laderman 1981, 1983 & 1984; McKay 1980).

Makanan juga boleh digunakan sebagai perantara oleh manusia lain atau makhluk ghaib untuk mendatangkan penyakit kepada pemakannya dengan memasukkan racun, bahan kotor dan/atau jampi ke dalam makanan yang akan dimakannya (Skeat 1984; Stone 1998). Jadi makanan dalam keadaan tersebut menjadi agen penyakit akibat bahan yang dimasukkan ke dalamnya atau telah dijangkiti virus atau dicemari oleh manusia atau makhluk ghaib dengan memasukkan bahan kotor, racun dan/atau jampi ke dalamnya. Kepercayaan tentang makanan sebagai penyebab penyakit boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu personalistik, naturalistik dan emosi (Foster dan Anderson 1979).

Makalah ini hanya memberi tumpuan terhadap penyebab personalistik. Ada tiga tujuan utama makalah ini. Pertama, untuk memahami gejala kepercayaan tentang sebab musabab penyakit dalam konteks makanan. Kedua, mengenal pasti kenapa dan bagaimana makanan digunakan oleh manusia untuk mendatangkan penyakit kepada orang lain. Ketiga, memperihalkan cara makhluk ghaib menggunakan makanan untuk mendatangkan penyakit kepada manusia. Penghujahan di sini ialah bukan sahaja ketidakharmonian dalam hubungan sosial antara manusia dengan manusia atau manusia dengan makhluk ghaib boleh menyebabkan salah satu pihak menggunakan makanan untuk

mendatangkan penyakit kepada orang yang diinginkan tetapi juga berkaitan dengan usaha untuk membuat kebaikan kepada seseorang. Perbincangan dalam makalah ini diasaskan kepada kajian yang dilakukan dalam kalangan orang Melayu Kelantan sejak tahun 1990-an hingga sekarang dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual mendalam. Temu bual mendalam dilakukan dengan orang Melayu yang pernah sakit yang penyebab penyakitnya dipercayai diakibatkan perbuatan orang dan makhluk ghaib.

## Kepercayaan Tentang Etiologi Penyakit dan Makanan

Etiologi penyakit dalam kebanyakan masyarakat kerap dikaitkan dengan makanan. Foster dan Anderson (1979) membahagikan sebab musabab penyakit kepada tiga kategori utama, iaitu *personalistik*, *naturalistik* dan emosi. Sebab musabab *personalistik* dikaitkan dengan kepercayaan bahawa penyakit berlaku akibat daripada gangguan aktif yang disengajakan oleh suatu kuasa ghaib. Kuasa ghaib ini terdiri daripada tuhan, makhluk ghaib dan roh nenek moyang yang telah mati. Manusia (seperti bomoh atau ahli sihir) boleh memanipulasikan makhluk ghaib (seperti hantu) atau manusia lain untuk memasukkan bahan kotor, jampi dan/atau racun ke dalam makanan yang akan dimakan oleh orang yang mereka kehendaki, memakan unsur tubuh (darah) atau semangat manusia yang diingininya atau memberi manusia minum atau makan makanan mereka. Makanan dan minuman hantu dipercayai selalunya terdiri daripada bahan kotor. Pesakit adalah mangsa kepada perbuatan yang disengajakan akibat dendam, marah, cemburu, dengki, ingin menolong seseorang atau untuk memerangkap kasih sayang seseorang yang mana pesakit sendiri atau kaum keluarganya sahaja yang tahu akan sebabnya, iaitu lebih bersifat peribadi.

Cara yang paling umum digunakan untuk memasukkan racun, kotoran atau makanan yang dijampi ke dalam makanan orang yang ingin dikhianati atau yang ingin ditolong terbahagi kepada tiga. Pertama, dengan mengupah orang yang dipercayai oleh kedua-dua belah pihak, iaitu orang yang ingin mengena dan juga orang yang ingin dikenakan. Menurut Gimlette (1981:2), kaum perempuanlah golongan paling mudah untuk melakukan kerja-kerja memasukkan bahan-bahan tadi kerana “Malay woman ... at any rate, in many cases of poisoning, because naturally the cooking is left almost entirely to them.”

Rumusan begini kurang tepat (Aishah 1998). Pertama, semasa kenduri, di restoran atau kedai-kedai kopi, bukan sahaja wanita yang

terlibat dalam masak memasak dan menghidangkan makanan tetapi juga kaum lelaki. Kedua, perbuatan tersebut memerlukan seseorang itu mendapat pertolongan bomoh untuk melakukannya. Ketiga, di kalangan orang lelaki yang membela hantu boleh meminta pertolongan hantu belaan mereka untuk memasukkannya ke dalam makanan yang ingin dimakan oleh orang yang dikehendaki tanpa disedari.

Secara teoretisnya, menurut kepercayaan etiologi penyakit *naturalistik*, sesuatu penyakit itu diterangkan dalam bentuk yang sistematik dan tidak bersifat peribadi (Foster and Anderson 1979). Seseorang individu boleh jatuh sakit apabila memakan makanan yang berasal daripada bahan makanan yang secara semula jadi mengandungi racun {seperti ubi gadung dan jering atau dijangkiti virus (seperti lembu, burung, ayam). Selain daripada itu, penyebab *naturalistik* juga dikaitkan dengan kepercayaan bahawa keseimbangan unsur-unsur yang ada pada manusia dan benda dalam alam semesta mesti dijaga dalam usaha untuk mengelak bencana atau penyakit. Tubuh manusia dipercayai memiliki unsur sejuk dan panas (Foster & Anderson 1978; Manderson 1981; McKay 1981) atau *tridosha* (Burghart, 1990) dan *yin* dan *yang* (Chang 1977), di mana kesihatan tubuh terpelihara apabila unsur-unsur ini berada dalam keadaan keseimbangan. Keseimbangan tubuh boleh terganggu apabila makan sesuatu makanan melebihi daripada had yang sepatutnya, memakan sesuatu makanan yang berlawanan dengan unsur penyakit atau memakan sesuatu makanan pada masa yang tidak sepatutnya (Manderson 1981; Laderman 1981, 1983 & 1984; McKay 1980). Apabila keseimbangan ini terganggu, akibatnya berlakulah penyakit.<sup>1</sup>

Kuantiti makanan yang dimakan oleh seseorang boleh mempengaruhi taraf kesihatannya. Mereka yang tidak mendapat makanan yang cukup dan seimbang senang terdedah kepada penyakit. Manakala mereka yang cukup makan (dari segi kuantiti dan zat makanan) pula akan sihat. Kuantiti pengambilan makanan ini sekiranya tidak dikawal boleh menyebabkan gemukan dan seterusnya menjejaskan kesihatan (Stone 1978; Manderson 1981). Kepercayaan ini selaras dengan kepercayaan saintifik yang menyatakan bahawa makanan perlu dimakan secara seimbang. Memakan gabungan makanan yang salah juga boleh menyebabkan penyakit. Orang Melayu di Sungai Peria percaya tapai ubi kayu dan jeruk mamon tidak boleh dimakan bersama dengan ubat hospital. Manakala tembikai tidak boleh dimakan bersama dengan madu lebah dan ubat hospital (Aishah 1998).

Daripada sudut emosi pula, dipercayai wujud dua situasi di kalangan mereka yang sedang menghadapi masalah peribadi (seperti sedih dengan kematian orang tersayang, putus cinta atau malu), iaitu sama ada tidak

berselera untuk makan atau berselera makan. Golongan yang berselera makan ini menggunakan makanan untuk menghilangkan perasaan risau atau sedih mereka. Dalam kedua-dua situasi tersebut, penyakit boleh berlaku sekiranya selera mereka berterusan begitu. Bagi yang berselera makan, tanpa kawalan mereka boleh menjadi gemuk. Orang gemuk banyak terdedah kepada apa lazim disebut 'penyakit tamadun' seperti penyakit jantung, darah tinggi, barah atau kencing manis. Manakala mereka yang tidak lalu makan pula mudah dihidangai penyakit infeksi, marasmus atau kwashiorkor.

Persoalannya kenapa makanan mudah digunakan untuk mendatangkan penyakit kepada orang lain. Faktor serta merta ialah manusia, walau di mana mereka tinggal memerlukan makanan, baik di rumah, di kedai makan mahupun di rumah orang kenduri. Setelah dimakan, makanan akan masuk terus ke dalam tubuh dan menjadi darah daging pemakannya. Selain itu, makanan juga banyak terlibat dalam aktiviti sosial harian (misalnya dijadikan bahan pemberian, diperdagangkan, disediakan semasa kenduri). Keterlibatan makanan dalam kebanyakan aktiviti sosial harian menjadikannya mudah dijadikan ejen pembawa penyakit kepada seseorang. Inilah yang berlaku dalam kes masyarakat Sepik di New Guinea yang dikaji oleh Lewis (1975: 305) "The obvious things about food are that everyone must eat; that food enters the body; that it is liked and valued."

## Makanan, Penyakit dan Sebab Musabab Personalistik

Etiologi penyakit dalam budaya Melayu Kelantan adalah selaras dengan gagasan Foster dan Anderson (1979), iaitu boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama—personalistik, naturalistik dan emosi. Orang Melayu Kelantan percaya bahawa penyakit boleh disebabkan oleh makhluk ghaib (Tuhan, hantu dan penunggu, roh orang mati), manusia (terutama bomoh) memanipulasi makhluk ghaib dan manusia mengupah manusia lain (bomoh) memanipulasi hantu untuk mencapai sesuatu hasrat mereka. Mereka percaya bahawa bomoh yang mengamalkan ilmu hitam dan/atau membela hantu boleh mendatangkan penyakit kepada orang lain dengan menggunakan makanan atau bahan makanan. Bomoh ini boleh memasukkan racun, bahan kotor dan/atau jampi ke dalam makanan yang akan dimakan oleh orang yang diingininya atau makanan orang yang diingini oleh orang yang mengupahnya. Ini boleh dilakukan dalam dua cara, iaitu melalui angin atau menggunakan hantu belaan mereka untuk

memasukkan apa yang diinginkan secara senyap-senyap. Kepercayaan ini telah menyebabkan ada beberapa orang informan yang ditemubual mengakui bahawa mereka sangat takut untuk minum dan makan dengan orang yang mereka tidak kenal atau memakan makanan yang diberikan oleh orang tertentu, apatah lagi daripada orang bermusuhan dengan mereka. Mereka takut diberi racun, bahan kotor, ubat pengasih, ubat pembenci atau dijampi.

Oleh itu, di kalangan mereka yang mempunyai musuh atau ramai peminat selalunya berhati-hati apabila makan di luar atau bila memakan makanan yang diberikan oleh orang lain. Menurut majoriti informan yang ditemubual, ada juga orang yang memasukkan sendiri bahan kotor, racun dan/atau jampi dalam makanan orang yang diinginkan. Ini selalunya dilakukan oleh orang-orang yang rapat dengan orang yang ingin dikenakan dan jarang melibatkan penggunaan racun. Menurut majoriti informan di sini, cara ini banyak digunakan oleh suami, isteri, ibu bapa atau kawan. Tujuannya ialah untuk melembutkan hati, membuat orang yang makannya menurut kata atau memerangkap perasaan kasih sayang atau menimbulkan perasaan benci.

Orang Melayu di Kelantan juga percaya bahawa ada juga isteri/ suami yang memberi suami/isteri mereka makan 'nasi tanggas' untuk memperbodohkan suami/isteri supaya menurut kata mereka. Perbuatan memberi suami/isteri makan makanan yang mengandungi bahan kotor untuk tujuan memperbodohkannya adalah dianggap sebagai perbuatan yang hina dan keji. Maka perbuatan memberi 'nasi tanggas' ini selalunya dibuat secara sembunyi-sembunyi, tanpa diketahui oleh sesiapa. Perbuatan tersebut menyalahi agama dan juga peraturan sosial. Orang yang berkelakuan begitu dianggap sebagai tamak, tidak bermoral dan kurang iman. Apabila ditanya beberapa orang informan utama sama ada masih wujud orang yang mengamalkan 'nasi tanggas' di Kelantan, kesemua mereka menyatakan tidak tahu. Hanya seorang informan yang mengaku beliau pernah memberi suaminya makan nasi yang ditamak daripada beras yang dijampi oleh seorang bomoh untuk membuatkan suaminya melupai isteri keduanya. Perbuatannya berhasil apabila suaminya dua tiga bulan selepas itu menceraikan isteri keduanya. Bila ditanya sama ada beliau berasa bersalah selepas melakukannya, beliau memberitahu bahawa beliau tidak merasa bersalah, sebagaimana katanya, "Saya lakukannya untuk kepentingan anak-anak kami. Suami saya orang miskin dan tidak mampu untuk menanggung dua buah keluarga. Satu keluarga pun suami saya tidak mampu untuk menanggungnya dengan sempurna, mana boleh dia kahwin satu lagi. Keperluan maki anak beranak banyak dibantu oleh pendapatan saya sendiri."

Memasukkan bahan, air doa atau air sembahyang hajat atau jampi ke dalam makanan atau minuman orang tersayang juga berlaku. Terdapat ibu bapa yang pergi berjumpa bomoh atau ahli agama untuk meminta 'air tawar' atau air doa untuk melembutkan hati dan membuat anak mereka menurut kata. Seorang informan yang merupakan seorang ibu memberitahu bahawa beliau pernah pergi jumpa bomoh minta 'air tawar' untuk melembutkan hati anak perempuannya supaya bersetuju menerima calon bakal suami pilihannya (ibu itu). Beliau telah memberi anaknya minum 'air tawar' tersebut. Setelah dua tiga kali diberi minum 'air tawar' tadi, perangai anaknya berubah dan menuruti sahaja cadangan ibunya untuk mengahwinkannya dengan calon pilihan ibunya. Sekarang beliau merasa kesal di atas perbuatannya kerana perangai menantunya tidak seperti mana disangkakannya. Menantunya merupakan seorang yang pemalas bekerja dan kaki judi. Manakala anaknya pula terlalu sayang kepada suaminya dan sanggup bekerja bertungkus lumus untuk menyara suami dan anak-anaknya.

Majoriti informan percaya bahawa musuh, orang yang meminati seseorang tetapi tidak dilayan atau mereka yang mempunyai perasaan dengki terhadap seseorang boleh mengupah, menyuruh orang lain atau memasukkan sendiri racun, bahan kotor, ubat pengasih atau pembenci dan/atau jampi ke dalam makanan atau minuman orang yang diinginkannya. Mereka yang merasa was-was apabila makan atau minum baik di tempat umum atau di rumah seseorang, selalunya boleh memeriksa makanan atau minuman tersebut. Pemeriksaan ini dilakukan dengan hati-hati dikuatiri dilihat oleh orang lain. Menurut seorang bomoh, pemeriksaan lebih senang untuk dilakukan dalam kes minuman, iaitu dengan memeriksa di bawah cawan atau gelas dengan menggunakan jari secara senyap-senyap. Sekiranya didapati di bawah gelas atau cawan itu sejuk pada hal dalam keadaan sebenar ia sepatutnya panas, ini menandakan terdapat bahan kotor dalam minuman tersebut. Pemeriksaan ini agak sukar dilakukan semasa makan nasi kerana ia melibatkan jumlah dan jenis lauk yang banyak, serta juga senang dilihat oleh orang lain. Tuan rumah, sekiranya mengetahui ada orang yang mencurigai kejujurannya akan merasa marah, kecil hati dan kadang kala keadaan ini boleh menimbulkan perbalahan dan permusuhan. Ada beberapa orang informan memberitahu bahawa mereka membuang makanan yang diberikan oleh jiran tetangga atau sahabat handai secara senyap-senyap sekiranya merasa waswas dengan niat si pemberi.

Kebanyakan informan lelaki menyatakan adalah sangat merbahaya untuk kerap makan di luar rumah atau kerap makan di kedai restoran yang sama. Ini adalah kerana perbuatan tersebut membolehkan orang

lain mengetahui pergerakan mereka dan menyenangkan orang lain untuk mengenakannya. Seorang informan memberitahu sekira beliau terpaksa pergi ke rumah yang ada ahli keluarganya disyaki mempunyai niat jahat terhadapnya, beliau akan menyatakan bahawa beliau berpuasa pada hari tersebut apabila tuan rumah tersebut mahu menghidangkan minuman atau makanan. Menjadi norma dalam masyarakat Kelantan, tuan rumah tidak akan memaksa seseorang untuk makan atau minum sekiranya seseorang itu puasa. Tuan rumah lebih merasa kecil hati sekiranya tetamu tidak memakan makanan yang dihidangkan. Jadi adalah lebih selamat untuk menyatakan berpuasa pada hari itu berbanding dengan membuat tuan rumah berasa kecil hati.

Makanan dijadikan bahan untuk mengenakan penyakit kepada orang lain kerana senang untuk dimasukkan bahan ke dalamnya dan juga senang untuk diberi makan tanpa diketahui pemakannya. Di samping itu, makanan juga senang mendatangkan penyakit kerana ia terus menjadi darah daging pemakan. Penyakit yang dihidapi oleh permakan berbeza menurut jenis bahan yang dimasukkan, sama ada racun, bahan kotor, doa dan jampi atau kesemuanya sekali. Jenis bahan yang dimasukkan ke dalam makanan ini tertakluk kepada tujuan pemangsa. Sekiranya pemangsa bertujuan untuk mendatangkan penyakit fizikal, racun digunakan. Untuk tujuan yang berkaitan dengan penyakit mental atau emosi, kotoran dan jampi digunakan. Bahan-bahan ini diminta dari bomoh<sup>1</sup> dan jenis bahan ini sebenarnya bergantung kepada apa yang dikehendaki oleh orang yang meminta pertolongan bomoh atau bergantung kepada ilmu bomoh itu sendiri. Ada juga dalam beberapa kes di mana bomoh sendiri yang melepaskan bahan-bahan kotor ke dalam persekitaran supaya bahan tersebut tidak memakan dirinya, misalnya bomoh santau. Dalam keadaan ini, siapa sahaja yang ada dalam persekitaran tersebut terutama mereka yang mempunyai tubuh yang lemah senang mendapat penyakit.

Menurut majoriti informan, bahan yang paling merbahaya kepada pemakan ialah makanan yang mengandungi racun dan bahan-bahan kotor yang terdiri daripada mayat orang mati dan darah. Mereka yang termakan racun atau bahan kotor tadi boleh mendapat penyakit yang dipercayai boleh membawa kepada maut atau sasau. Penyakit boleh terjelma dengan serta merta selepas makan atau dalam sesetengah keadaan mengambil masa yang lama untuk menjelma. Menurut seorang bomoh, tanda-tanda seseorang termakan racun adalah seperti kehilangan selera makan dan seksual, rasa terbakar dalam tubuh, tulang rasa sengal-sengal dan menyocok-nyocok, tubuh menjadi kurus, pucat, lemah, kulit menjadi kekuningan dan kering, atau batuk berdarah yang berpanjangan. Keadaan



yang sama ditegaskan oleh Skeat (1900: 280). Racun yang digunakan ini bukanlah racun yang dibeli di kedai, tetapi racun yang dibuat sendiri oleh bomoh atau orang perseorangan. Racun ini dibuat daripada bahan-bahan yang ada di persekitaran seperti miang buluh, serbuk kaca, dan racun-racun yang didapati dari haiwan dan tumbuh-tumbuhan (Gimlette 1981). Mereka yang termakan racun buatan sendiri ini menderita di sepanjang hayatnya. Menurut seorang informan utama, mereka yang termakan racun ini apabila mati, darah akan keluar dari pada setiap bulu roma dan rongga tubuhnya. Penyakit yang diakibatkan oleh termakan racun buatan sendiri ini tidak dapat dikesan oleh alat-alat dalam perubatan saintifik dan tidak boleh disembuhkan oleh ahli perubatan saintifik. Ia hanya dapat disembuhkan oleh bomoh dan bomoh ini pula mestilah lebih bijak daripada bomoh yang membuat dan memasukkan racun tersebut. Sekiranya tidak berjumpa bomoh yang lebih bijak, penyakit yang dihidapinya akan berkekalan sehingga ke akhir hayat.

Penyakit yang diakibatkan oleh termakan kotoran atau makanan yang dijampi cepat untuk menjelma. Menurut seorang bomoh, bahan-bahan kotor yang selalu dimasukkan ke dalam makanan terdiri daripada “minyak mati bunuh”, air mandi jenazah, hasil buangan tubuh (seperti peluh, najis), ‘air tawar’ dan/atau “air car.” Manakala bahan makanan atau minuman yang kerap digunakan untuk dijampi oleh bomoh pula terdiri daripada beras dan air. Bahan-bahan kotor ini digunakan bukan sahaja untuk tujuan memerangkap kasih sayang tetapi juga untuk tujuan membodohkan atau menjadi seseorang itu gila. Orang yang termakan bahan-bahan kotor ini, dalam setengah keadaan menjadi pendiam dan menurut kata dan dalam keadaan lain pula menjadi agresif dan suka bercakap yang bukan-bukan. Penyakit yang diakibatkan oleh termakan makanan yang mengandungi racun, kotoran atau makanan yang dijampi ini dipanggil oleh orang Melayu sebagai penyakit “buatan orang.”

Orang yang sanggup mengambil upah bomoh atau orang perseorangan memasukkan racun, kotoran dan/atau jampi ke dalam makanan selalunya terdiri dari mereka yang kurang pegangan agama. Mereka ini boleh jadi orang perempuan dan juga orang lelaki. Ini adalah kerana, racun, bahan-bahan kotor atau makanan yang dijampi ini tidak boleh dimasukkan semasa aktiviti masak memasak, kecuali di rumah kerana makanan, baik semasa kenduri mahupun di kedai kopi, dimasak dalam kuantiti yang banyak dan bukan untuk dimakan oleh orang yang ingin dikhianati sahaja, tetapi juga oleh orang lain. Ada beberapa orang informan yang berpendapat bahawa bahan-bahan ini dimasukkan ke dalam makanan semasa aktiviti menghidang, semasa menghantar makanan dari

dapur ke tempat makan, atau melalui makanan yang dihadiahkan kepada jiran tetangga.

Tiga kes berikut dikaitkan dengan penyakit yang dihadapi oleh pesakit akibat dengan ‘buatan orang’ melalui makanan kerana perasaan malu, marah dan dengki.

### Kes pertama

Mangsa merupakan seorang ibu yang baharu lepas mengadakan kenduri kahwin anak perempuannya yang berkahwin dengan suami orang. Beberapa hari selepas kenduri, beliau sudah mula menunjukkan perubahan perangai seperti menjerit-jerit, mencarut dan memaki hamun orang tidak tentu pasal. Ada kalanya beliau senyap dan menyepi diri, tanpa mempedulikan orang di sekelilingnya. Perubahannya memeranjatkan ahli keluarga dan jiran tetangga tetapi mereka tidak begitu memberi perhatian. Mereka ingat perbuatan tersebut berpunca dari tekanan perasaan kerana beliau tidak bersetuju anaknya berkahwin dengan suami orang. Dua tiga hari selepas itu, beliau secara tiba-tiba berlari-lari keluar rumah tanpa memakai apa-apa sambil menjerit-jerit. Perubahan ini memeranjatkan kaum keluarga dan jiran tetangga. Mereka beramai-ramai mengejarnya dan membawanya pulang ke rumah dan pergerakannya diawasi. Menurut seorang jiran, tenaga wanita tersebut cukup kuat, mengalahkan tenaga lima orang lelaki. Kaum keluarganya telah membawa beliau berubat dengan beberapa orang bomoh yang dikatakan handal, bukan sahaja bomoh Melayu tetapi juga Siam dan Jawa. Kebanyakan bomoh yang beliau temui menyatakan bahawa beliau terkena ‘buatan orang’ melalui makanan iaitu beliau termakan benda kotor. Beliau bukanlah sasaran sebenar pembuat tetapi anak perempuannya yang baru berkahwin. Orang yang mengupah bukan sahaja hendak mangsanya menjadi gila tetapi juga hendak membunuhnya. Keadaan beliau berlanjutan untuk beberapa bulan. Nasib beliau baik kerana penyakitnya sembuh selepas beliau berubat dengan seorang bomoh Siam di Selatan Thailand. Dalam kes beliau, orang kampung kebanyakannya mensyaki isteri tua suami anaknya.

### Kes kedua

Seorang budak perempuan yang berumur 17 tahun, yang dipanggil penyeri kampung oleh budak-budak muda kerana kecantikannya, tiba-tiba jatuh

pengsan. Sedar daripada pengsan beliau meracau-racun tidak tentu pasal, bercakap seorang diri dan menyebut-yebut nama seseorang lelaki. Keadaan ini berterusan untuk beberapa bulan sehingga beliau tidak lagi berupaya untuk mengurus dirinya. Perasaan malu juga tidak ada padanya. Kadang-kadang beliau bercakap dan tersenyum seorang diri. Malah, beliau pernah membawa kain baju ke rumah budak lelaki yang disebut namanya. Ibu bapanya telah menyaki yang budak lelaki tersebut telah membuat anaknya. Sebelum ini, lelaki tersebut pernah masuk meminang tetapi pinangannya di tolak dengan alasan budak perempuan tadi mahu belajar lagi. Bapanya telah memanggil seorang bomoh perempuan dari kampung Sot. Bomoh ini menjalankan upacara berubat dengan pertolongan makhluk ghaib yang dikatakan sebagai gurunya. Semasa upacara berubat dijalankan bomoh telah memberitahu bahawa budak perempuan tadi terkena 'buatan orang' melalui makanan. Menurut bomoh, orang yang membuatnya adalah orang yang beliau kenali. Tujuan pembuatnya hanyalah untuk memerangkap perasaan kasih sayang budak perempuan tadi.

### Kes ketiga

Seorang lelaki pertengahan umur dengan tiba-tiba mendapat demam panas. Demam panas yang dihidapinya berpanjangan selama enam tahun dan beliau telah keluar masuk hospital beberapa kali tetapi tidak juga sembuh. Menurut beliau, doktor mengesahkan bahawa beliau tidak demam tetapi beliau sendiri merasa tubuhnya macan terbakar. Beliau tidak lalu makan dan keadaan ini menyebabkan tubuhnya menjadi kurus kering sehingga sampai ke satu tahap beliau terpaksa baring sahaja. Oleh kerana terlalu lama sangat baring, belakangnya menjadi berkudis dan tubuhnya menjadi tersangat busuk. Selama enam tahun, beliau bukan sahaja berubat secara moden tetapi juga secara tradisional sehingga habis tanah dan perkakas rumah yang berharga (seperti mesin jahit) terpaksa dijual untuk berubat. Menurut beliau, penyakitnya sembuh setelah berubat dengan seorang bomoh Siam di Selatan Thailand. Menurut bomoh tersebut beliau pernah diberi makan makanan kotor oleh orang yang dengki dengan kesenangan hidup beliau.

## 'Semangat' atau Unsur Tubuh Manusia dimakan Hantu

Orang Melayu Kelantan percaya bahawa makhluk ghaib atau hantu boleh mendatangkan penyakit kepada manusia dengan cara memakan darah atau 'semangat' manusia. Perbuatan ini diistilahkan oleh orang Melayu Kelantan dengan 'dimakan' hantu. Konsep 'dimakan' hantu membawa makna bahawa ada hantu yang memakan unsur-unsur tubuh atau 'semangat' manusia di mana kehilangan unsur-unsur tubuh atau semangat ini dipercayai boleh menyebabkan tubuh manusia menjadi lemah, tidak bermaya dan seterusnya sakit.

Menurut seorang bomoh teri, hantu memakan darah dan 'semangat' manusia apabila orang yang membelanya sudah meninggal dunia dan tidak ada saudara mara si mati yang sanggup mengambil alih tugas membelanya. Selepas kematian tuannya, hantu tadi dibiarkan begitu sahaja. Hantu yang dibela oleh manusia ini tidak tahu untuk mencari makanan sendiri, sebab itulah apabila ia merasa lapar, ia menjadi ganas dan menghisap darah siapa sahaja yang mempunyai tubuh atau 'semangat' yang lemah. Mereka yang dimakan darah atau 'semangat' oleh hantu akan menjadi pucat, letih, tidak lalu makan, suka bersendirian dan dalam setengah keadaan suka meracau-racau atau menjerit-jerit yang bukan-bukan. Hantu yang dibela ini makan apa sahaja yang dimakan oleh manusia, dengan syarat ia tidak diberi sisa atau makanan berlebihan. Makanan sisa atau berlebihan ini merendahkan martabat mereka. Perbuatan memberi makanan berlebihan kepada hantu akan menyebabkan hantu marah dan mengganas.

Hantu juga memakan darah dan 'semangat' manusia apabila diperintahkan oleh tuannya untuk berbuat demikian. Manusia yang membela hantu memerintahkan hantu belaan mereka memakan darah atau 'semangat' orang yang ia tidak suka kerana dengki atau berlaku perkelahian antara mereka. Hantu yang dibela oleh manusia terdiri dari 'anak yeng', polong, hantu raya dan pelesit. Hantu-hantu belaan ini melakukan apa sahaja yang disuruh oleh tuannya tanpa merujuk kepada keadaan moral sesuatu kes tersebut secara keseluruhan. Dalam hal ini, manusia memberi makan kepada hantu belaan untuk mendapat khidmat daripadanya dan juga supaya ia tidak mengacau kaum keluarganya. Satu kes di mana penyakit yang dihidapi oleh seorang budak perempuan dikaitkan dengan perbuatan hantu belaan neneknya yang telah meninggal dan tidak ada orang yang sanggup membelanya. Hantu tadi telah

memakan darah dan semangatnya kerana beliau mempunyai semangat yang lemah. Ini dapat dilihat daripada apa yang diceritakan oleh ibu saudaranya.

Apabila neneknya meninggal dunia, hantu belaaanya menjadi terbiar kerana tidak ada orang yang ingin mengambil alih tugas pembelaan. . Budak perempuan ini tinggal bersama-sama dengan ayah dan emak tirinya tiba-tiba jatuh sakit, tidak lalu makan dan tidak boleh tidur. Keadaan ini berpanjang dan beliau akhirnya tidak dapat pergi ke sekolah kerana terlalu lemah. Ayahnya telah membawanya berjumpa doktor di hospital Kuala Krai dan ia diarah membawa anaknya ke hospital Kubang Krian untuk pemeriksaan lanjut kerana tubuhnya terlalu kurus dan pucat serta matanya cengkung. Setelah tinggal di hospital selama sebulan dan berbagai-bagai pemeriksaan telah dilakukan oleh pihak hospital tetapi keadaannya tidak berubah malah bertambah teruk. Doktor juga tidak dapat menerangkan punca penyakitnya. Menurut mereka, beliau tidak sakit. Keluarganya telah meminta pihak hospital untuk membenarkan mereka membawanya pulang ke rumah. Sekembali dari hospital, keadaannya bertambah teruk, kencing dan berak di tempat tidur sahaja dan beliau tidak makan dan minum langsung. Bawa belakangnya menjadi berkudis kerana terlalu lama baring. Sebagai ikhtiar terakhir, keluarganya telah memanggil seorang bomoh. Menurut bomoh tersebut, budak perempuan ini diganggu hantu neneknya. Hantu ini merayau-rayau tanpa ada tuan sejak neneknya meninggal dunia dua tahun lepas. Budak perempuan ini dipilih kerana ia mempunyai semangat yang lemah dan juga dikatakan mempunyai ciri-ciri yang disukai hantu. Oleh kerana budak ini tidak mengetahui yang dirinya dipilih oleh hantu sebagai tuan, beliau tidak melakukan apa-apa penyembahan dan memujanya. Keadaan ini telah menyebabkan hantu tadi menjadi marah dan menghisap darah serta memakan 'semangat'nya. Hantu ini enggan keluar dari tubuh budak perempuan tadi apabila diminta oleh bomoh. Jadi bomoh tidak boleh berbuat apa-apa. Budak ini meninggal dunia pada tahun 1993 setelah sakit selama lebih kurang dua tahun.

### Manusia diberi Makanan Hantu

Orang Melayu Kelantan percaya bahawa hantu boleh mendatangkan penyakit kepada manusia dengan memberi manusia makan makanan mereka. Ini selalunya berlaku apabila manusia menceroboh tempat tinggal hantu yang hidup liar atau manusia tersebut dipilih sebagai teman oleh hantu. Dalam kes kedua, manusia dikatakan sebagai "kena susut ko

hatu” (disembunyikan oleh hantu). Makanan hantu yang hidup liar ini dalam banyak keadaan tidak sama dengan makanan manusia atau hantu yang dibela. Menurut beberapa orang informan yang terdiri daripada orang tua, makanan hantu yang hidup liar adalah dari bahan yang kotor yang mana pada mata manusia bahan-bahan ini adalah makanan. Antara makanan hantu yang dipercayai oleh orang Melayu di sini menyerupai makanan manusia adalah seperti Jadual 1.

JADUAL 2.1: Makanan Hantu Yang Menyerupai Makanan Manusia

Makanan hantu	Makanan manusia
Tahi lembu	Dodol
Cacing	Mee
Darah	Air teh
Telur semut	Nasi
Telur katak	Telur ayam
Daging Tikus, Biawak, Tupai dan Ular	Daging Ayam
Daging Binatang Buas	Daging Lembu

Hantu dikatakan oleh orang Melayu Kelantan lebih rendah martabatnya daripada manusia kerana ia boleh makan bahan kotor. Bahan makanan yang diberikan oleh hantu ini bila dimakan oleh manusia boleh menyebabkan penyakit. Selalunya orang yang memakan makanan yang diberi oleh hantu tadi dikaburi mata mereka oleh hantu. Mereka nampak apa yang dimakan oleh mereka itu sama dengan makanan yang mereka pernah makan malah lebih enak daripada makanan harian mereka. Satu kes di mana manusia telah memakan makanan hantu melibatkan seorang budak lelaki yang bernama Stapa. Stapa dipercayai telah di susut hantu. Kes Stapa ini diceritakan oleh seorang informan utama yang terdiri daripada bomoh.

Stapa telah hilang selama sehari semalam semasa beliau keluar pergi menambat kambing pada satu pagi. Kaum keluarganya hanya menyedari kehilangannya apabila beliau tidak pulang walaupun hari telah malam. Hal kehilangan Stapa ini telah diberitahu kepada iman masjid dan jiran tetangga. Selepas sembahayang isyak, semua jumaah lelaki telah keluar pergi mencarinya di tempat-tempat yang ia biasa pergi tetapi tidak juga berjumpa. Usaha mencarinya diteruskan sehingga pukul 12 tengah malam. Selepas itu, semua orang yang menolong mencarinya

pulang ke rumah masing-masing dan berjanji akan mencarinya semula pagi esoknya. Pukul lapan pagi esoknya semua orang sudah berkumpul di masjid dan mula mencarinya semula di tempat-tempat yang dicari semalam. Pada pukul sepuluh setengah, seorang budak nampak Stapa keluar dari sebalik pintu tersenyum-senyum. Mereka telah bertanya beliau ke mana beliau pergi sepanjang malam. Beliau menceritakan yang beliau telah diajak oleh seorang perempuan cantik ke rumahnya dan perempuan tersebut meminta beliau tidur di rumahnya. Beliau memberitahu yang beliau diberi makan nasi dengan lauk yang sedap-sedap dan disediakan tempat tidur yang amat elok dan harum. Keesokan harinya beliau demam panas dan meracau-racau yang bukan-bukan. Menurut bomoh yang dipanggil, beliau terkena sampukkan hantu.

Orang yang selalunya terdedah kepada hantu ialah mereka yang ada dalam kalangan kaum keluarganya yang membela hantu; mereka yang menyakiti hati orang yang membela hantu; mereka yang mengacau tempat tinggal hantu; mereka yang digemari hantu dan mereka yang membela hantu tetapi tidak memberinya makan atau persembahan dengan sempurna. Memberi makanan kepada hantu adalah satu cara yang digunakan oleh orang Melayu di sini untuk menyukakan hati hantu dan mempengaruhinya. Hantu akan menyerang manusia apabila mereka sangat lapar atau tempat tinggal mereka dicerobohi. Serangan hantu ini boleh dihentikan dengan memberi persembahan makanan. Manusia akan memberi makan kepada hantu sebagai usaha untuk menenteramkannya walau sekejap dan juga sebagai usaha untuk mendapatkan pertolongan. Hantu yang selalu digunakan oleh manusia dalam usaha untuk mendapatkan pertolongan adalah hantu dari hairaki yang tinggi. Ini bermakna, hantu-hantu dari hairaki rendah dan hidup liar cuma diberi makan sekali-sekala sahaja iaitu apabila ia menyerang manusia, sebagai usaha untuk mengembirkannya dan memintanya meninggalkan mangsa

## Bahan Makanan untuk Membentuk Replika Musuh

Satu lagi cara yang digunakan untuk mendatangkan penyakit melalui makanan ialah dengan menggunakan makanan untuk membentuk replika tubuh musuh. Menurut seorang bomoh, bahan makanan yang kerap digunakan ialah tepung beras, kunyit, halia atau bolai. Tepung beras dicampur dengan air untuk dibentuk menjadi patung. Patung yang dibentuk ini disamakan dengan tubuh orang yang ingin dikenakan penyakit. Menurut bomoh terdapat dua cara yang boleh digunakan oleh bomoh ke atas patung bagi mendatangkan penyakit kepada orang yang dihajati. Pertama,

bomoh boleh menyucuk jarum ke patung yang dibentuk dari bahan makanan. Patung, dalam keadaan ini disamakan dengan tubuh orang yang ingin disakiti. Ini bermakna, tuan punya tubuh akan merasa sakit ekoran dari cucukan jarum ke patung yang disamakan dengan tubuhnya. Kedua, bomoh menjampi dan memanggil 'semangat' orang yang diingini melalui perantaraan patung. Dalam keadaan ini, bomoh dipercayai boleh mengawal 'semangat' orang berkenaan serta melemahkannya. Setelah 'semangat' orang tersebut lemah, bomoh boleh memanipulasikan 'semangat'nya untuk tujuan yang dikehendaki oleh orang yang mengupahnya.

## Kesimpulan

Kepercayaan berkaitan dengan makanan sebagai penyebab penyakit ada hubungkait dengan ketidakharmonian dalam hubungan sosial, rasa tidak selamat, rasa sedih, malu, marah kerana berlaku peristiwa-peristiwa tertentu dalam hidup, seseorang ingin mencuba atau menguji ilmu yang mereka pelajari, terpaksa membuang bahaya yang ada dalam diri atau mencari keseronokan diri. Ketidakharmonian dalam hubungan interpersonal antara orang perseorangan atau keluarga boleh menyebabkan salah satu pihak berusaha untuk mendatangkan penyakit kepada pihak yang satu lagi. Ketidakharmonian dalam hubungan interpersonal ini berlaku kerana wujud perasaan dengki, iri hati, cemburu, marah, sedih, kecil hati atau dendam kerana kehendak, pendapat atau perasaan kasih sayang atau cinta mereka ditolak. Ada juga orang yang dengki atau cemburu dengan kejayaan orang lain. Perbuatan ini sebenarnya bertentangan dengan budaya Melayu dan ajaran agama Islam. Budaya Melayu menekankan kepada keharmoniaian hidup, sikap sentiasa bertolak ansur dan tolong menolong. Nilai-nilai positif ini diperteguhkan lagi dengan ajaran agama Islam. Orang yang kurang berjaya dalam sesuatu hal boleh berdengki dengan orang yang berjaya tetapi dengki itu harus bersifat positif seperti meningkatkan usaha dan menerima ketentuan Allah SWT. Segala perbuatan walau sekecil mana sekalipun, Allah SWT tahu dan akan menerima balasan satu ketika nanti. Pegangan agama ini sebenarnya menghalang orang Melayu daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh agama. Selain daripada ketidakharmonian dalam hubungan sosial, makanan juga digunakan oleh orang yang hendak kemahuannya dituruti. Golongan ini merasakan kemahuan mereka adalah yang terbaik untuk pihak tersebut. Ini kerap berlaku apabila anak menolak cadangan ibu bapa terutama dalam hal-hal mencari pasangan hidup.



Makanan kerap digunakan kerana ia merupakan bahan yang paling kerap digunakan oleh manusia. Makanan dijadikan sebagai bahan pemberian bukan sahaja dalam kalangan kaum keluarga dan sahabat handai tetapi juga dalam kalangan majikan dan pekerja. Tuan rumah perlu menghidangkan makanan kepada tetamu yang datang ke rumah atau semasa kenduri, tidak kira kenduri yang berkaitan dengan perubahan dalam edaran hidup mahupun kenduri yang berkaitan dengan keagamaan. Dalam lingkungan sosial, kepercayaan ini menolong untuk mengekalkan sistem “checks dan balances.” Keseimbangan sosial dapat dikekalkan kerana perasaan takut dituduh menggunakan ilmu hitam, takut orang lain kecil hati atau takut mendapat balasan suatu hari nanti menyebabkan ahli masyarakat mematuhi pola-pola tingkah laku yang diterima umum.

### Nota

- <sup>1</sup> Bomoh yang mengamalkan ilmu hitam ini selalunya terdiri dari mereka yang dengan segera memperlajari ilmunya dengan tujuan untuk menggunakan ilmunya bagi pihak orang lain yang meinta perkhidmatannya untuk tujuan mendapatkan upah. Dalam keadaan tertentu juga, bomoh ini menggunakannya untuk kepentingan peribadi seperti menjahamankan musuhnya.

### Rujukan

- Burghart, R.1990. The Cultural Context of Diet, Disease and the Body. Dalam G.A. Harrison & J.C.Waterlow. *Diet and Disease in Traditional and Developing Societies*. Cambridge. Cambridge University Press.307-325.
- Chang.K.C. (ed).1977.*Food in Chinese Culture: Anthropological and Historical Perspectives*. New Haven. Yale University Press
- Colson, A.C. 1969. The Prevention of Illness in a Malay Village: An Analysis of Concepts and Behavior. Ph.D. Dissertation. Department of Anthropology.University of Stanford. Stanford.
- Currier, R.L. 1966. The Hot -cold Syndrome and Symbolic Balance in Mexican and Spanish-American Folk Medicine. *Ethnology*. 5 (3): 251-63.
- Endicott, K. M. 1981. *An Analysis of Malay Magic*. Kuala Lumpur. Oxford University Press.
- Farb, P. & G.Armelagos. 1980. *Consuming Passions: The Anthropology of Eating*. New York. Washington Square Press..

- Foster, G.M. & B.G. Anderson. 1978. *Medical Anthropology*. New York. John Wiley & Sons..
- Geertz, C. 1973. *The Interpretation of Culture*. New York. Basic Books..
- Gelfand, M. 1971. *Diet and Tradition in an African Culture*. Edinburgh. E. & S. Livingstone.
- Gimlette, J.D. 1981. *Malay Poisons and Charm Cures*. Kuala Lumpur. Oxford University Press..
- Kimball, L.A. 1979. Borneo medicine: The Healing Art of indigenous Brunei Malay Medicine. Monograph Series. Department of Anthropology. Chicago. Loyola University of Chicago.
- Koo, L. Chih-Ling. 1976. *Nourishment of Life: The Culture of Health in Traditional Chinese Society*. Ph.D. Dissertation. Department of Anthropology. Berkeley. University of Berkeley.
- Laderman, C. Taming the Wind of Desire. *Asia*. 2 (5): 34-39
- Laderman, C. 1981. Symbolic and Empirical Reality: A New Approach to the Analysis of Food Avoidance. *American Ethnologist*. 8. 3.
- Laderman, C. 1983. *Wives and Midwives: Childbirth and Nutrition in Rural Malaysia*. Berkeley. University of California Press.
- Laderman, C. 1984. Food Ideology and Eating Behavior: Contributions from Malay Studies. *Social Science & Medicine*. 19: 5.
- Lewis, G. 1975. *Knowledge of Illness in Sepik Society: A Study of the Gnau, New Guinea*. University of London. The Athlone Press.
- Manderson, L. 1981. Traditional Food Classifications and Humoral Medical Theory in Peninsular Malaysia. *Ecology of Food and Nutrition*. Vol. 11. 81-93.
- Manderson, L. 1981. Roasting, Smoking and Dieting in Response to Birth: Malay Confinement in Cross-Cultural Perspective. *Social Science and Medicine*. Vol. 15B.
- Manderson, L. 1986. *Shared Wealth and Symbol: Food, Culture, and Society in Oceania and Southeast Asia*. Cambridge. Cambridge University Press.
- Mauss, M. 1967. *The Gift*. London. Cohen & West.
- McArthur, M. 1962. *Malaya-12. Assignment Report June 1958 - November 1959*. World Health Organization. WPR/449/62.
- Montanari, M. 1994. *The Culture of Food*. Translated. Oxford: Blackwell.
- McKay, D.A. 1980. Food, Illness and Folk Medicine: Insights from Ulu Trengganu, West Malaysia. Dalam J.R.K. Robson. *Food, Ecology and Culture: Readings in the Anthropology of Dietary Practices*. New York. Gordon and Breach Science Publishers. 61-66.
- Skeat, W.W. 1984. *Malay Magic: An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. Singapore. Oxford University Press..
- Stone, L.S. 1977. *Illness, Hierarchy and Food Symbolism in Hindu Nepal*. Ph.D. Dissertation. Department of Anthropology. Brown University.